

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan menyatakan senarai pembangunan ekonomi, infrastruktur dan sosial yang telah dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi tahun 2019 di seluruh Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Pada tahun 2019, JAKOA telah memberi bantuan di bawah Projek Ladang Masyarakat Orang Asli sedia ada iaitu terdapat 23 projek yang telah dijalankan manakala 4 projek baharu telah dibangunkan bagi tujuan menjana ekonomi masyarakat Orang Asli.
2. Bagi Projek *Handsholding* pula, JAKOA telah membangunkan sebanyak 20 projek baharu meliputi projek pertanian dan penternakan. Di bawah Bantuan Input Pertanian pula sebanyak 25 sub projek telah diberikan bantuan berupa alatan pertanian, baja, anak pokok, racun dan bantuan peralatan menangkap ikan.
3. Manakala senarai pembangunan infrastruktur dan ameniti sosial yang telah dijalankan oleh jabatan kemajuan orang asli (JAKOA) di seluruh Semenanjung Malaysia pada tahun 2019 adalah seperti berikut;

BIL.	NEGERI	PROJEK JALAN PERHUBUNGAN		PROJEK AMENITI SOSIAL		PROJEK BEKALAN AIR TERAWAT	
		BIL. PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BIL. PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BIL. PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	PERAK	15	489,908.25	22	1,284,310.64	7	1,954,000.00
2	SELANGOR	0	-	6	864,297.89	0	350,000.00
3	NEGERI SEMBILAN	6	255,621.50	7	1,188,806.94	4	870,000.00
4	JOHOR	0	-	10	1,119,676.44	10	600,000.00
5	PAHANG	7	420,991.06	4	747,683.50	20	1,768,000.00
6	KELANTAN	11	936,042.97	31	1,551,995.35	9	1,718,500.00
		39	2,102,563.78	80	6,756,770.76	50	7,260,500.00